

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM LITERASI AWAL
'3M' ANAK-ANAK

SHAFINAZ BINTI AHMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2026



**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM LITERASI AWAL
'3M' ANAK-ANAK**

SHAFINAZ BINTI AHMAD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2026



UPSMIPS-360 32
Pind : 00 ms: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRISSila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 28 12 25
.....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SHAFINAZ BINTI AHMAD, M20232002543, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM LITERASI AWAL '3M' ANAK-ANAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. NORDIN BIN MAMAT (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM LITERASI AWAL '3M' ANAK-ANAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

24 DISEMBER 2025

Tarikh


 PROFESOR DR. NORDIN BIN MAMAT
 Pengerusi
 Pusat Penyelidikan Pendidikan dan Kemahiran
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM LITERASI AWAL '3M' ANAK-ANAK

Tajuk / Title:

No. Matrik /:
Matric's No.:

M20232002543

Saya / I am:

SHAFINAZ BINTI AHMAD

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

1	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka. I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.
	TERHAD LIMITED	Mengedung maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyimpan salinan sehingga ____ tahun). Confine restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).
	SULIT CONFIDENTIAL	Mengedung maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Contain confidential information under the Official Secrets Act 1972.
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun selepas selesai ditulis. This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reason:

Nota / Notes:

- I. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- II. Jika Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini dikategorikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai TERHAD atau SULIT. / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.

(Tandatangan Pelajar / Signature)

PROFESOR DR. NORDIN BIN MAMAT
Pengerah
Pusat Penyelidikan, Penyelidikan dan Inovasi
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 24 DISEMBER 2025

Tarikh/Date: 24 DISEMBER 2025





PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan kepada Allah SWT atas limpah rahmat dan keizinan-Nya, saya dapat melalui perjalanan ilmu ini dan memberi peluang untuk mengenali hakikat diri sebagai hamba kepada-Nya. Semoga secebis ilmu dan kajian ditulis dengan penuh rasa ikhlas dan tawaduk serta perkongsian penulisan kajian ini menjadi ilmu bermanfaat bekalan di akhirat kelak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya YBhg. Prof. Dr. Nordin bin Mamat di atas bimbingan, nasihat dan dorongan sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Semoga Allah SWT memberi ganjaran kebaikan di dunia dan di akhirat buat beliau. Terima kasih juga kepada panel penilai dan jawatankuasa yang terlibat dalam kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang memberi peluang kepada saya untuk mengembangkan potensi dan kerjaya dengan meluluskan cuti belajar bergaji penuh disamping membantu dalam aspek pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas pemberian biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sekaligus merealisasikan peluang pengajian ini. Peluang sebegini amat besar ertinya buat saya. Terima kasih juga buat semua peserta kajian yang mempermudah saya mendapatkan maklumat yang amat berguna.

Dalam perjalanan kembara ilmu ini, saya temui sahabat seperjuangan dalam pengajian Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Anis Batrisyia Putri Mohd Nizam dan Abdul Haq Abdul Rashid. Terima kasih kerana selalu membantu dan memberi sokongan sepanjang pengajian. Terima kasih juga buat sahabat-sahabat saya yang selalu memberi semangat dan doa untuk saya terus berjuang dalam pengajian dan juga kehidupan. Semoga Allah SWT membalas segala kebaikan semua dengan ganjaran kebaikan dunia dan akhirat.

Ucapan setulus kasih buat ibu, Puan Suhaimah binti Haji Jamil dan suami tercinta, Encik Mior Affendi bin Mior Sidek yang sentiasa disisi menemani perjalanan pengajian ini. Tanpa doa restu mereka, perjalanan ini pasti menjadi lebih sukar. Tidak dilupakan juga kepada seluruh keluarga tersayang iaitu kakak, abang-abang, ipar dan anak-anak saudara atas doa, semangat dan kasih sayang yang sentiasa mengiringi saya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih dengan penuh rasa cinta buat inspirasi terbesar saya anakanda Putri Amanda Sofea. Kerana dialah yang menjadi motivasi untuk saya meneruskan cita-cita sehingga ke peringkat tertinggi. Semoga kejayaan ini menjadi contoh dan sumber inspirasi buatnya pada masa hadapan.





ABSTRAK

Penglibatan ibu bapa merupakan elemen penting dalam menyokong perkembangan literasi kanak-kanak prasekolah khususnya dalam Kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Namun, tahap dan bentuk penglibatan tersebut dipengaruhi oleh kefahaman ibu bapa, konteks keluarga serta sokongan institusi pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kefahaman ibu bapa terhadap literasi awal 3M, mengenal pasti bentuk penglibatan ibu bapa serta meneliti cabaran dan faktor sokongan yang mempengaruhi penglibatan tersebut dalam konteks TABIKA KEMAS. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratori. Seramai lima orang ibu bapa dan seorang guru TABIKA KEMAS Klebang Restu 1, Ipoh, Perak terlibat sebagai peserta kajian. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur, catatan lapangan dan analisis dokumen. Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mengenal pasti lima tema utama iaitu kefahaman ibu bapa terhadap literasi awal 3M, bentuk dan strategi penglibatan, cabaran dan kekangan penglibatan, kerjasama antara ibu bapa dan pihak TABIKA KEMAS serta amalan terbaik dan refleksi penglibatan ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa berlaku secara fleksibel dan kontekstual, namun mereka berhadapan dengan kekangan masa, tekanan emosi dan sokongan institusi yang terhad. Kajian ini merumuskan kepentingan kerjasama berterusan antara rumah dan TABIKA KEMAS selaku institusi prasekolah serta mencadangkan pengukuhan sokongan sistematik bagi memperkasa peranan ibu bapa dalam literasi awal kanak-kanak.



PARENTAL INVOLVEMENT IN CHILDREN'S EARLY '3M' LITERACY

ABSTRACT

Parental involvement is widely recognised as a critical factor in supporting the development of early literacy skills particularly reading, writing and numeracy (3M) among preschool children. However, the nature and extent of such involvement are often shaped by parents' understanding of early literacy, family contexts and the level of support provided by educational institutions. This study aims to explore parents' understanding of early 3M literacy, identify the forms of parental involvement practised and examine the challenges and supporting factors influencing such involvement within the context of TABIKA KEMAS. A qualitative exploratory research design was employed involving five parents and one TABIKA KEMAS teacher from TABIKA KEMAS Klebang Restu 1, Ipoh, Perak. Data were collected through semi-structured interviews, field notes and document analysis. The interview data were analysed using thematic analysis. The findings revealed five main themes: parents' understanding of early 3M literacy, forms and strategies of parental involvement, challenges and constraints faced by parents, collaboration between parents and TABIKA KEMAS and best practices and reflective engagement. The study found that parental involvement in early literacy activities tends to be flexible and context-driven, embedded within daily routines. Nevertheless, parents encountered several challenges including time constraints, emotional stress and limited institutional support. Overall, the findings highlight the importance of sustained collaboration between the home and TABIKA KEMAS as a preschool institution. The study further emphasises the need for more systematic and structured support to strengthen parents' roles in promoting early literacy development among preschool children.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Kerangka Teori dan Konseptual Kajian	12
1.7.1 Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995)	12
1.7.2 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.8 Definisi Operasional	36
1.8.1 Literasi Awal 3M	37
1.8.2 Penglibatan Ibu Bapa	39

1.8.3 TABIKA KEMAS	40
1.9 Limitasi Kajian	42
1.10 Kepentingan Kajian	43
1.11 Rumusan Bab	45
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	46
2.2 Konsep Literasi Awal 3M (Membaca, Menulis dan Mengira)	48
2.2.1 Literasi Membaca Awal	50
2.2.2 Literasi Menulis Awal	54
2.2.3 Literasi Mengira Awal	57
2.2.4 Persekitaran Literasi Awal di Rumah	59
2.3 Bentuk Penglibatan Ibu Bapa	63
2.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Ibu Bapa	67
2.4.1 Faktor sosioekonomi	68
2.4.2 Tahap Pendidikan dan Literasi Ibu Bapa	68
2.4.3 Sikap, Persepsi dan Motivasi Ibu Bapa	69
2.4.4 Faktor Persekitaran dan Sokongan Luaran	69
2.4.5 Faktor Emosi dan Hubungan Ibu Bapa-Anak	72
2.4.6 Faktor Teknologi dan Literasi Digital	73
2.5 Teori Sistem Ekologi Urie Bronfenbrenner (1979)	74
2.5.1 Mikrosistem	75
2.5.2 Mesosistem	76
2.5.3 Eksosistem	76

2.5.4 Makrosistem	77
2.5.5 Kronosistem	77
2.6 Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995)	78
2.6.1 Relevansi Model Epstein dalam Literasi Awal 3M	79
2.6.2 Implikasi untuk Kajian	80
2.7 Rumusan Bab 2	80

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	84
3.2 Pendekatan Kajian	86
3.3 Populasi Kajian	89
3.3.1 Sampel Kajian dan Teknik Persampelan	92
3.4 Instrumen Kajian	94
3.4.1 Temu Bual Separa Berstruktur	97
3.4.2 Analisis Dokumen	98
3.4.3 Catatan Lapangan (field note)	100
3.4.4 Proses Kesahan Instrumen	101
3.4.5 Kebolehpercayaan Instrumen	101
3.4.6 Proses Penterjemahan Instrumen	102
3.4.7 Proses Pengumpulan Data	102
3.5 Kajian Rintis	105
3.5.1 Definisi Terma Kajian Rintis	105
3.5.2 Kepentingan dan Kelebihan Kajian Rintis	106
3.5.3 Lokasi dan Sampel Kajian Rintis	107
3.5.4 Prosedur dan Pelaksanaan Kajian Rintis	107

3.5.5 Dapatan Utama Kajian Rintis	108
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	108
3.7 Analisis Data	111
3.7.1 Proses Pengekoden Tematik Berdasarkan Analisis Temu Bual	115
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	116
3.8.1 Kesahan Kajian	116
3.8.2 Kebolehpercayaan Kajian	119
3.9 Pertimbangan Etika	121
3.9.1 Persetujuan Bertulis (<i>Informed Consent</i>)	121
3.9.2 Kerahsiaan dan Anonimitas	122
3.9.3 Pengendalian Data Sensitif	123
3.9.4 Interaksi Profesional dan Sensitif Budaya	124
3.10 Rumusan Bab 3	126

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	127
4.2 Latar Belakang Peserta Kajian	131
4.2.1 Huraian Latar Belakang Peserta Kajian	132
4.3 Tema 1: Kefahaman dan Kesedaran tentang Literasi Awal 3M	137
4.3.1 Kefahaman Ibu Bapa Terhadap Literasi Awal 3M	137
4.3.2 Kesedaran Ibu Bapa Terhadap Kepentingan Literasi Awal 3M	139
4.4 Tema 2: Bentuk dan Strategi Penglibatan Ibu Bapa dalam Literasi Awal 3M	141

4.4.1 Bentuk Aktiviti Pembelajaran di Rumah	142
4.4.2 Peruntukan Masa Pelaksanaan Aktiviti Literasi Bersama	143
4.4.3 Strategi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	146
4.4.4 Kaedah Motivasi dan Galakan	149
4.5 Tema 3: Cabaran dan Kekangan dalam Penglibatan Ibu Bapa	150
4.5.1 Cabaran Tingkah Laku dan Fokus Anak-anak	151
4.5.2 Tekanan Emosi dan Pengurusan Kendiri Ibu Bapa	153
4.5.3 Kekangan Sokongan Persekitaran dan Sosial	154
4.6 Tema 4: Kerjasama antara Ibu Bapa dan TABIKA KEMAS	156
4.6.1 Komunikasi antara Ibu Bapa dengan Guru	157
TABIKA	
4.6.2 Maklum Balas yang diterima	158
4.6.3 Penglibatan Ibu Bapa dalam Program Keibubapaan	160
4.7 Tema 5: Amalan Terbaik (<i>Best Practices</i>) dan Refleksi Penglibatan Ibu Bapa dalam Literasi Awal 3M	162
4.7.1 Amalan Terbaik dalam Literasi Awal 3M	162
4.7.2 Refleksi terhadap Perubahan dan Kejayaan Anak	166
4.7.3 Refleksi Kritikal dan Cadangan Penambahbaikan	169
4.8 Sintesis Dapatan Kajian dengan Kajian Lepas	172
4.8.1 Sintesis Tema 1: Kefahaman dan Kesedaran	173

tentang Literasi Awal 3M

4.8.2 Sintesis Tema 2: Bentuk dan Strategi 174

Penglibatan Ibu Bapa dalam Literasi Awal 3M

4.8.3 Sintesis Tema 3: Cabaran dan Kekangan dalam 175

Penglibatan Ibu Bapa

4.8.4 Sintesis Tema 4: Kerjasama antara Ibu Bapa dan 176

TABIKA KEMAS

4.8.5 Sintesis Tema 5: Amalan Terbaik (*Best* 176

Practices) dan Refleksi Penglibatan Ibu Bapa dalam

Literasi Awal 3M

4.9 Rumusan Bab 4 178

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan 180

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian Mengikut Tema 181

5.2.1 Tema 1: Kefahaman dan Kesedaran tentang 181

Literasi Awal 3M

5.2.2 Tema 2: Bentuk dan Strategi Penglibatan Ibu 184

Bapa dalam Literasi Awal 3M

5.2.3 Tema 3: Cabaran dan Kekangan dalam 188

Penglibatan Ibu Bapa

5.2.4 Tema 4: Kerjasama antara Ibu Bapa dan 190

TABIKA KEMAS

5.2.5 Tema 5: Amalan Terbaik (*Best Practices*) dan 194

Refleksi Penglibatan Ibu Bapa dalam Literasi Awal

3M

5.3 Implikasi Kajian	198
5.3.1 Implikasi terhadap Teori	198
5.3.2 Implikasi terhadap Amalan	200
5.3.3 Implikasi terhadap Dasar	202
5.4 Rumusan Bab 5	203
5.5 Cadangan Kajian	205
5.5.1 Cadangan Terhadap Amalan Penglibatan Ibu Bapa	206
5.5.2 Cadangan Terhadap Institusi Dan Dasar Pendidikan Awal	207
5.5.3 Cadangan untuk kajian akan datang	208
5.5.4 Model Lapis 3M	211
5.6 Kesimpulan Kajian	213
RUJUKAN	217



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Instrumen Kajian Penglibatan Ibu Bapa Dalam Literasi Awal 3M Anak-anak	104
3.2	Contoh Proses Pengekoden Tematik Berdasarkan Analisis Temu Bual	115
4.1	Rumusan Padanan Kod Awal, Tema dan Subtema	129
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	132
4.3	Rutin Masa Pembelajaran	144
4.4	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	147
4.5	Kawalan Persekitaran Pembelajaran	151
4.6	Amalan Terbaik (<i>Best Practises</i>) dalam Menyokong Literasi Awal 3M	163
4.7	Refleksi Ibu bapa Terhadap Perubahan dan Kejayaan Literasi Awal Anak	167
4.8	Ringkasan Laporan Instrumen Kesediaan Murid ke Tahun Satu (IKMTS) bagi Anak Peserta Kajian (P1-P5)	168
4.9	Refleksi Kritikal dan Cadangan Penambahbaikan	171





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995)	13
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1	Model Sistem Ekologi Urie Bronfenbrenner	75
3.1	Analisis Tematik Diadaptasi dari Braun dan Clarke (2006)	114
4.1	Peta Tema Penglibatan Ibu Bapa dalam Literasi Awal 3M Anak-anak	130





SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, Menulis dan Mengira
B40	Kumpulan 40 peraturus pendapatan terendah
G1	Guru TABIKA KEMAS Klebang Restu 1 (Peserta Kajian)
IKMTS	Instrumen Kesianaan ke Tahun Satu
IPPK	Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan
HLE	<i>Home Literacy Environment</i>
HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
MSPP	Modul Saringan dan Pengayaan
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
P1 – P5	Peserta kajian (Ibu Bapa)
PKPAK	Pelan Kualiti Pendidikan Awal Kanak-kanak
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-kanak
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soalan dan Pemerhatian Sesi Temu Bual (Ibu Bapa)
- B Borang Soalan dan Pemerhatian Sesi Temu Bual (Guru)
- C Jadual Proses Pengekoden Tematik Berdasarkan Analisis Temu Bual
- D Laporan Tahap Kesediaan Murid ke Tahun Satu
- E Borang Rumusan Skor (IKMTS) bagi MSPP Tahun 2025
- F Contoh Laporan Analisa IPPK (Laporan Anak P2)
- G Contoh Hasil Kerja dan Aktiviti Anak P1
- H Catatan Lapangan dan Perakuan Kebenaran Peserta Kajian





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas penting dalam membentuk perkembangan intelek, emosi dan sosial seseorang individu. Pada peringkat ini, kanak-kanak mengalami perkembangan pesat yang membentuk asas kepada pembelajaran formal serta pembinaan jati diri pada peringkat seterusnya. Dalam konteks Malaysia, pelaksanaan pendidikan prasekolah berfungsi sebagai platform utama dalam memperkukuh kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) sebelum kanak-kanak melangkah ke alam persekolahan formal.

Penguasaan literasi awal bukan sahaja berperanan sebagai asas pencapaian akademik, malah turut mempengaruhi perkembangan keupayaan berfikir, komunikasi dan pembentukan keyakinan diri kanak-kanak. Literasi awal yang kukuh membolehkan kanak-kanak berinteraksi secara bermakna dengan persekitaran pembelajaran serta menyesuaikan diri dengan tuntutan akademik yang semakin kompleks. Oleh itu, penguasaan kemahiran 3M pada peringkat prasekolah merupakan elemen kritikal dalam memastikan kesediaan sekolah dan kejayaan pendidikan jangka panjang.





Dalam usaha menyokong perkembangan literasi awal, peranan ibu bapa dilihat sebagai faktor yang amat signifikan kerana mereka merupakan pendidik pertama dan paling hampir dengan kanak-kanak. Kajian oleh Epstein (1995) serta Sénéchal dan LeFevre (2002) menegaskan bahawa penglibatan aktif ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran di rumah memberi kesan positif terhadap perkembangan literasi awal dan pencapaian akademik kanak-kanak. Penglibatan ini merangkumi penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif, interaksi literasi harian serta sokongan emosi yang berterusan.

Dalam konteks pendidikan prasekolah di Malaysia khususnya di TABIKA KEMAS, penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi awal didapati menyumbang secara signifikan kepada kejayaan pembelajaran kanak-kanak. Kerjasama antara ibu bapa dan institusi prasekolah bukan sahaja memperkukuh penguasaan kemahiran 3M, malah membantu membentuk sikap positif kanak-kanak terhadap pembelajaran. Justeru, kajian yang meneliti bentuk, tahap dan faktor penglibatan ibu bapa dalam literasi awal amat penting bagi memahami realiti pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak dalam konteks komuniti setempat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan fasa kritikal dalam perkembangan manusia kerana ia membentuk asas kognitif, bahasa, sosial dan emosi yang menjadi penentu kepada keberhasilan akademik serta pembangunan jangka panjang seseorang individu. Pendidikan awal yang berkualiti terbukti memberi impak signifikan terhadap





penguasaan literasi, keupayaan berfikir dan pencapaian pendidikan sepanjang hayat (UNESCO, 2023). Dalam konteks Malaysia, institusi prasekolah seperti TABIKA KEMAS memainkan peranan penting dalam menyediakan asas literasi awal merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) sebelum kanak-kanak memasuki sistem pendidikan formal di Tahun Satu.

Walau bagaimanapun, laporan Bank Dunia (2022) mendedahkan bahawa seramai 42% murid berusia 10 tahun di Malaysia masih belum mencapai tahap literasi minimum. Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada kanak-kanak menghadapi kesukaran membaca dan memahami teks mudah sekali gus menggambarkan kewujudan krisis literasi yang berpotensi menjejaskan keupayaan generasi masa hadapan untuk terlibat secara bermakna dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Trend ini didapati berterusan dalam laporan susulan Bank Dunia (2024) bertajuk “*Malaysia Economic Monitor: Bending Bamboo Shoots - Strengthening Foundational Skill*” yang menunjukkan bahawa kelemahan literasi asas masih ketara sehingga murid berada di Tahun Lima.

Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila laporan *The Straits Times* (2024) melaporkan bahawa sebanyak 61% murid Tahun Lima daripada isi rumah berpendapatan rendah gagal menguasai asas literasi dengan baik. Selain itu, laporan yang sama turut mendedahkan bahawa 24% kanak-kanak yang memasuki Tahun Satu diklasifikasikan sebagai tidak bersedia ke sekolah berdasarkan penguasaan literasi awal, kemahiran bahasa dan kecekapan prasekolah. Dapatan ini menunjukkan bahawa masalah literasi awal bukan sekadar berpunca daripada kelemahan individu sebaliknya





mencerminkan ketidaksamaan struktur dalam akses dan kualiti peluang pembelajaran awal.

Implikasi terhadap dasar pendidikan adalah signifikan kerana kelewatan intervensi pada peringkat awal kanak-kanak terbukti meningkatkan risiko jurang pencapaian akademik yang semakin melebar apabila mereka melangkah ke pendidikan formal. Kegagalan menangani isu ini secara sistematik bukan sahaja menjejaskan prestasi individu, malah berpotensi menggugat usaha negara dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi serta memutuskan kitaran kemiskinan antara generasi.

Dalam konteks pendidikan prasekolah, kelemahan literasi awal semakin dikaitkan dengan corak penglibatan ibu bapa yang tidak konsisten. Kajian sistematik oleh Mohd

Yusof et al. (2022) menunjukkan bahawa kekangan masa bekerja, keterbatasan sumber serta kecenderungan ibu bapa menyerahkan tanggungjawab pendidikan sepenuhnya kepada guru menjadi faktor utama yang mengehadkan penglibatan mereka dalam aktiviti literasi di rumah. Selain itu, kajian Chung et al. (2023) mendapati bahawa ibu bapa daripada latar sosioekonomi rendah cenderung kurang menyediakan aktiviti literasi terancang seperti membaca bersama atau latihan fonemik, sekali gus menyumbang kepada pembentukan jurang peluang pembelajaran sejak peringkat awal kehidupan. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk meneliti secara lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan literasi awal kanak-kanak, khususnya dalam konteks penglibatan ibu bapa.



1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting sebagai landasan asas dalam pembangunan insan, khususnya dalam membentuk keupayaan kognitif, bahasa, sosial dan emosi yang memberi kesan berterusan terhadap pencapaian akademik serta pembentukan modal insan pada masa hadapan (Nordin Mamat, 2020). Dalam konteks ini, literasi awal yang merangkumi kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) bukan sahaja menjadi penentu kepada kejayaan akademik, malah turut menyumbang kepada pembentukan keyakinan diri, motivasi pembelajaran serta keupayaan kanak-kanak berinteraksi secara bermakna dalam persekitaran sosial mereka (Nik Salmi, Abdullah, & Mahamod, 2022).

Walaupun dasar pendidikan negara telah memberi penekanan yang jelas terhadap kepentingan pendidikan prasekolah, dapatan kajian sedia ada masih menunjukkan tahap penguasaan literasi asas yang membimbangkan. Keadaan ini memperlihatkan kewujudan jurang yang ketara antara aspirasi dasar pendidikan dengan realiti pencapaian sebenar kanak-kanak di lapangan (Ahmad & Mahamod, 2022), sekali gus menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan pendekatan semasa dalam menyokong perkembangan literasi awal.

Dalam usaha memahami faktor yang menyumbang kepada isu ini, kajian longitudinal oleh Nordin Mamat (2020) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa merupakan elemen kritikal dalam menyokong penguasaan literasi awal kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak yang menerima sokongan literasi aktif daripada ibu bapa melalui aktiviti seperti membaca bersama, pendedahan kepada bahan bercetak dan bimbingan





pembelajaran di rumah didapati menunjukkan tahap penguasaan membaca dan kefahaman bahasa yang lebih tinggi berbanding rakan sebaya yang kurang menerima sokongan sedemikian. Namun, tahap penglibatan ibu bapa didapati berbeza mengikut konteks geografi dan sosioekonomi, di mana kanak-kanak di kawasan bandar cenderung menerima sokongan literasi yang lebih konsisten berbanding di luar bandar. Kekangan masa, keterbatasan sumber serta tahap pengetahuan ibu bapa dikenal pasti sebagai halangan utama terhadap penglibatan yang berkesan.

Seiring dengan itu, literatur tempatan dan antarabangsa turut menegaskan kepentingan *home literacy environment* (HLE) sebagai faktor utama dalam perkembangan literasi awal. Kajian oleh Primayana dan Dewi (2022) menunjukkan bahawa persekitaran literasi di rumah serta penglibatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan kemahiran bahasa awal kanak-kanak termasuk aspek bacaan, ekspresi lisan dan keupayaan komunikasi. Dapatan ini diperkukuh oleh Syahida et al. (2024) yang menunjukkan bahawa kualiti interaksi literasi di rumah merupakan indikator penting kepada pencapaian literasi awal, khususnya dalam kemahiran membaca dan memahami teks mudah.

Walau bagaimanapun, corak penglibatan ibu bapa di Malaysia didapati tidak seragam dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk latar sosioekonomi, tahap pendidikan serta pengetahuan ibu bapa terhadap amalan literasi yang berkesan (Siti Soraya et al., 2022). Kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) khususnya didapati menerima sokongan literasi yang lebih terhad di rumah walaupun mereka menghadiri prasekolah yang berkualiti. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu literasi awal bukan semata-mata berpunca daripada kelemahan institusi pendidikan, sebaliknya



turut mencerminkan ketidakseimbangan peluang dan sumber dalam persekitaran keluarga yang memberi implikasi jangka panjang terhadap pencapaian akademik kanak-kanak.

Kajian eksperimen oleh Nik Salmi et al. (2022) turut menunjukkan bahawa intervensi yang dirancang untuk memperkukuh home literacy environment dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca kanak-kanak. Namun demikian, keberkesanan intervensi tersebut bergantung kepada tahap keterlibatan aktif ibu bapa serta sokongan sumber yang konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa tanpa pemahaman yang mendalam terhadap konteks keluarga dan realiti kehidupan ibu bapa, pelaksanaan intervensi pendidikan awal berisiko gagal mencapai impak yang diharapkan.

Selain faktor sosioekonomi, aspek sikap dan kepercayaan budaya keluarga terhadap pendidikan awal juga didapati mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi di rumah (Ahmad & Mahamod, 2022). Interaksi literasi seperti membaca bersama, penceritaan dan latihan fonemik berfungsi sebagai persekitaran pembelajaran awal yang kritikal dalam menyokong penguasaan kemahiran 3M. Namun demikian, kekurangan kajian empirikal yang meneliti secara mendalam mekanisme penglibatan ini dalam konteks prasekolah komuniti telah mengehadkan pembangunan intervensi yang benar-benar bersasar dan berkesan, khususnya bagi institusi seperti TABIKA KEMAS.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa isu literasi awal di Malaysia merupakan masalah yang bersifat sistemik, melibatkan interaksi



kompleks antara persekitaran rumah, institusi prasekolah dan komuniti. Jurang pengetahuan berkaitan bentuk penglibatan ibu bapa, faktor yang mempengaruhi penglibatan tersebut serta hubungannya dengan pencapaian literasi awal 3M masih wujud dan menjadi halangan utama dalam merangka strategi pendidikan awal yang efektif (Nordin Mamat, 2020; Nik Salmi et al., 2022; Syahida Ramlan et al., 2024).

Tambahan pula, bukti daripada kajian antarabangsa termasuk OECD (2023) dan UNICEF Malaysia (2023) menunjukkan bahawa kelemahan literasi awal bukan sahaja menjejaskan pencapaian individu, malah berpotensi memperluas jurang sosioekonomi. Kanak-kanak yang memulakan pendidikan formal dengan kelemahan literasi cenderung untuk terus ketinggalan dalam pembelajaran seterusnya. Justeru, kajian empirikal yang lebih mendalam, kontekstual dan spesifik terhadap penglibatan ibu bapa dalam literasi awal amat diperlukan bagi menyokong pembangunan dasar, modul serta intervensi awal yang lebih berkesan.

Dengan mengambil kira jurang pengetahuan, kekangan praktikal serta kepelbagaian konteks sosioekonomi keluarga, kajian ini dilihat sebagai satu keperluan yang mendesak dan signifikan untuk dilaksanakan. Kajian ini bukan sahaja bertujuan memahami hubungan antara rumah dan prasekolah, malah diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan strategi intervensi yang bersasar dan berimpak tinggi bagi meningkatkan penguasaan literasi awal 3M dalam kalangan kanak-kanak prasekolah komuniti seperti TABIKA KEMAS khususnya dalam kumpulan yang paling memerlukan sokongan pendidikan awal.





Sehubungan itu, kajian ini dirangka bagi menangani jurang tersebut dengan meneliti secara sistematik peranan dan bentuk penglibatan ibu bapa dalam menyokong perkembangan literasi awal kanak-kanak.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam konteks pendidikan awal, peranan ibu bapa sebagai agen sosialisasi primer semakin diiktiraf sebagai faktor kritikal dalam pembangunan literasi kanak-kanak. Hal ini sejajar dengan Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995; 2001) yang menegaskan bahawa enam dimensi penglibatan keluarga iaitu keibubapaan, komunikasi, sukarelawan, pembelajaran di rumah, pembuatan keputusan dan jaringan komuniti berfungsi sebagai mekanisme bersepadu yang menghubungkan pengalaman pembelajaran di rumah dan di sekolah.

Berasaskan kerangka ini, bukti empirikal kontemporari menunjukkan bahawa kualiti persekitaran literasi di rumah memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong perkembangan literasi awal. Puglisi et al. (2022) melalui tinjauan sistematik mendapati bahawa ketersediaan bahan bacaan serta interaksi linguistik yang berkualiti merupakan faktor utama yang mempengaruhi perkembangan kemahiran membaca awal kanak-kanak. Dapatan ini diperkukuh oleh Inoue et al. (2023) yang menunjukkan bahawa penglibatan aktif ibu bapa dalam aktiviti literasi di rumah seperti membaca bersama menyumbang secara konsisten terhadap peningkatan kemahiran literasi awal. Selain itu, kajian oleh Cárdenas et al. (2025) turut memperlihatkan bahawa





pelaksanaan program shared reading secara berstruktur berupaya meningkatkan penguasaan huruf serta keupayaan naratif kanak-kanak secara signifikan.

Selanjutnya, Torppa et al. (2022) turut menegaskan bahawa faktor persekitaran literasi di rumah, termasuk ketersediaan bahan bacaan, kekerapan interaksi linguistik serta kualiti komunikasi antara ibu bapa dan anak, memainkan peranan signifikan dalam menyokong perkembangan kemahiran membaca awal. Dapatan ini memperkukuh hujah bahawa penglibatan ibu bapa tidak lagi boleh dianggap sebagai faktor sampingan, sebaliknya perlu dilihat sebagai komponen teras dalam usaha membina asas literasi yang kukuh. Tanpa pemahaman yang mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ini, intervensi yang berfokuskan sekolah semata-mata berisiko gagal mencapai impak yang mampan dan menyeluruh.



Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti secara komprehensif bagaimana dimensi penglibatan ibu bapa berdasarkan Model Epstein mempengaruhi penguasaan literasi awal 3M dalam konteks prasekolah komuniti seperti TABIKA KEMAS masih terhad dari segi bukti empirikal. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara empirikal bentuk penglibatan ibu bapa, faktor-faktor yang mempengaruhi, cabaran yang dihadapi serta corak kerjasama antara ibu bapa dan guru dalam menyokong perkembangan literasi awal 3M kanak-kanak. Di samping itu, kajian ini turut bertujuan mengenal pasti strategi sokongan yang berkesan dalam memperkukuh penglibatan ibu bapa bagi meningkatkan penguasaan literasi awal dalam konteks komuniti prasekolah.





1.5 Objektif Kajian

Objektif Kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk penglibatan ibu bapa dalam literasi awal 3M kanak-kanak TABIKA KEMAS.
- ii. Meneliti faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa dalam menyokong aktiviti literasi awal.
- iii. Meneroka persepsi ibu bapa terhadap kepentingan literasi awal dalam membentuk perkembangan dan kecemerlangan anak.

1.6 Persoalan Kajian



Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah bentuk penglibatan ibu bapa dalam literasi awal 3M?
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi awal?
- iii. Apakah persepsi ibu bapa terhadap kepentingan literasi awal dalam perkembangan anak?





1.7 Kerangka Teori dan Konseptual Kajian


1.7.1 Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995)

Kajian ini berasaskan Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995) yang menekankan enam dimensi utama penglibatan ibu bapa:

- i. Keibubapaan (*Parenting*) – penyediaan suasana rumah yang kondusif dan menyokong pembelajaran anak.
- ii. Komunikasi (*Communicating*) – hubungan dua hala yang berkesan antara ibu bapa dan pendidik.
- iii. Sukarelawan (*Volunteering*) – penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah.
- iv. Pembelajaran di Rumah (*Learning at Home*) – sokongan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran anak di rumah.
- v. Pembuatan Keputusan (*Decision Making*) – penglibatan ibu bapa dalam membuat keputusan berkaitan pendidikan anak.
- vi. Kerjasama Komuniti (*Collaborating with Community*) – hubungan antara ibu bapa, komuniti dan pihak sekolah dalam memperkukuh pembelajaran anak.

Model Epstein merupakan salah satu kerangka teori yang paling banyak digunakan dalam kajian penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal dan sekolah. Model ini membahagikan penglibatan ibu bapa kepada enam dimensi utama yang saling berkaitan dan menyokong pembangunan akademik serta sosial kanak-kanak (Epstein, 1995; 2001; Fan dan Chen, 2021). Setiap dimensi dijelaskan seperti **Rajah 1.1** dan penerangan di bawah:





Rajah 1.1 Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein (1995)

i. Keibubapaan (*Parenting*)

Dimensi ini menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam menyediakan persekitaran rumah yang menyokong perkembangan anak. Peranan ini merangkumi pemenuhan keperluan fizikal, emosi, sosial dan pendidikan anak termasuk menyediakan rutin harian yang stabil dan bimbingan moral. Kajian terkini menekankan bahawa interaksi positif antara ibu bapa dan anak di rumah berkait rapat dengan perkembangan literasi awal dan kemahiran kognitif (Kim et. al.,2022; Nordin Mamat, 2020). Misalnya, ibu bapa yang membaca bersama anak, berbincang tentang cerita dan menekankan nilai disiplin akademik dapat meningkatkan pemahaman bahasa dan kemahiran membaca anak prasekolah. Dimensi keibubapaan juga menjadi asas kepada semua dimensi lain



kerana tanpa persekitaran rumah yang menyokong, penglibatan formal di sekolah kurang berkesan (Fan & Chen, 2021).

ii. **Komunikasi (*Communicating*)**

Dimensi ini merujuk kepada proses komunikasi antara sekolah dan ibu bapa termasuk penyampaian maklumat akademik, laporan kemajuan, peraturan sekolah dan aktiviti pembelajaran anak. Komunikasi yang efektif membantu ibu bapa memahami keperluan pendidikan anak dan menyokong pembelajaran di rumah. Kajian oleh Wang et al. (2023) menunjukkan bahawa saluran komunikasi dua hala termasuk penggunaan media digital dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap kemahiran literasi anak seterusnya memperkukuh sokongan mereka dalam aktiviti literasi di rumah.

Seperti mana laporan UNICEF (2023) dalam konteks Malaysia menekankan bahawa komunikasi berkesan antara guru dan ibu bapa di prasekolah merupakan faktor penting untuk memastikan penglibatan ibu bapa secara konsisten.

iii. **Sukarelawan (*Volunteering*)**

Dimensi ini melibatkan penyertaan ibu bapa dalam aktiviti sekolah atau prasekolah termasuk menjadi sukarelawan dalam program pembelajaran, lawatan pendidikan atau projek khas di sekolah. Penglibatan secara sukarela ini memberi peluang ibu bapa untuk memahami kurikulum dan pengalaman pembelajaran anak secara langsung. Kajian oleh Li dan rakan-rakan (2021) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang ibu bapanya terlibat sebagai sukarelawan di sekolah menunjukkan motivasi belajar yang





lebih tinggi dan perkembangan sosial yang lebih baik kerana anak-anak merasakan sokongan aktif daripada ibu bapa mereka.

iv. Pembelajaran di rumah (*learning at home*)

Dimensi ini menekankan aktiviti pembelajaran yang dilakukan ibu bapa bersama anak di rumah termasuk latihan membaca, menulis, mengira dan bercerita. Aktiviti ini melengkapkan pengajaran formal di sekolah dan memberi pengalaman pembelajaran berulang yang penting untuk penguasaan literasi awal. Kajian longitudinal oleh Syahida Ramlan et. al. (2024) menunjukkan bahawa *home literacy environment* yang kaya dengan bahan bercetak, aktiviti membaca interaktif dan bimbingan ibu bapa secara konsisten meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan kefahaman bahasa di kalangan kanak-kanak prasekolah. Dimensi ini dikaitkan secara langsung dengan pencapaian akademik awal anak dan keberkesanan intervensi literasi.

v. Pembuatan keputusan (*decision-making*)

Dimensi ini melibatkan penglibatan ibu bapa dalam proses membuat keputusan di sekolah atau prasekolah termasuk memberi pandangan terhadap kurikulum, program pendidikan dan polisi sekolah. Penglibatan dalam pembuatan keputusan bukan sahaja memperkukuh perasaan tanggungjawab ibu bapa tetapi juga meningkatkan kualiti keputusan sekolah dengan mengambil kira perspektif keluarga. Kajian oleh Fan & Chen (2021) menunjukkan bahawa ibu bapa yang diberi peluang untuk membuat input terhadap dasar dan aktiviti sekolah cenderung lebih komited untuk menyokong pembelajaran anak di rumah terutamanya dalam aspek literasi dan numerasi awal.





vi. **Kerjasama dengan komuniti (*collaborating with the community*)**


Dimensi ini merujuk kepada penglibatan sekolah dan ibu bapa dengan komuniti setempat termasuk organisasi bukan kerajaan, perpustakaan, pusat komuniti dan program pendidikan luar sekolah. Kerjasama ini membolehkan anak-anak mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih luas serta menyokong pembangunan kemahiran sosial dan literasi awal. Kajian terkini oleh Kim et. al. (2022) mendapati bahawa program literasi yang melibatkan komuniti meningkatkan motivasi membaca dan kefahaman bahasa kanak-kanak kerana ia menyediakan konteks pembelajaran sebenar di luar rumah dan sekolah. Selain itu, komuniti yang menyokong pendidikan juga memperkukuh hubungan antara ibu bapa, guru dan anak-anak.

Kesemua enam dimensi dalam Model Epstein saling berkait dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak. Aspek penglibatan ibu bapa bukan hanya terhad kepada aktiviti di sekolah tetapi merangkumi komunikasi, sokongan di rumah, penglibatan dalam keputusan, sukarelawan dan kerjasama dengan komuniti [(Nordin Mamat, 2020; Syahida Ramlan et al., 2024; Fan & Chen, 2021; Wang et al., 2023; Kim et al., 2022)] senada dalam pandangan mereka bahawa penglibatan bersepadu dalam semua dimensi ini meningkatkan pencapaian literasi awal, perkembangan sosial dan kesiapsiagaan akademik kanak-kanak prasekolah.



1.7.2 Kerangka konseptual kajian

Dalam kajian ini, model penglibatan ibu bapa Epstein (1995; 2001) ini dijadikan asas untuk memahami bagaimana penglibatan ibu bapa dapat menyumbang kepada perkembangan literasi awal kanak-kanak di TABIKA KEMAS. Berdasarkan model tersebut, kerangka konseptual kajian dibina yang menggambarkan hubungan antara dimensi penglibatan ibu bapa dengan perkembangan literasi awal anak seperti mana **Rajah 1.2** di bawah.



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini mengadaptasi konstruk Model Penglibatan Ibu Bapa Epstein untuk menganalisis sejauh mana: i. kefahaman dan kesedaran; ii. keterlibatan



ibu bapa dalam aktiviti literasi di rumah; iii. Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu; iv. Strategi Penglibatan Ibu Bapa; v. Kerjasama Ibu Bapa-Guru; vi. Cabaran dalam Penglibatan Ibu Bapa; vii. Anak Menguasai Literasi Awal 3M; viii. Kecemerlangan anak; dan x. Amalan *Best Practise* yang memberi implikasi kepada penguasaan literasi awal '3M' anak seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan anak secara holistik. Huraian mengenai kerangka konseptual kajian ini diterangkan seperti di bawah.

i. Kefahaman dan kesedaran ibu bapa tentang literasi awal '3M'

Variabel ini merujuk kepada tahap pengetahuan ibu bapa mengenai konsep literasi awal, perkembangan kanak-kanak serta kepentingan 3M dalam proses pendidikan awal. Neuman & Dickinson (2002) menekankan bahawa kefahaman ibu bapa terhadap perkembangan bahasa awal berkait rapat dengan kualiti rangsangan literasi yang diberikan di rumah. Ibu bapa yang faham maksud literasi awal bukan sekadar membaca huruf tetapi merangkumi kesedaran fonemik, kosa kata, penceritaan dan interaksi bahasa cenderung menyediakan aktiviti literasi lebih berkualiti (Snow, Burns & Griffin, 1998).

Menurut Sénéchal & LeFevre (2002), ibu bapa yang mempunyai tahap kesedaran tinggi tentang literasi awal lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti seperti membaca bersama, berbual tentang buku, mengajar huruf dan menyediakan bahan bercetak di rumah. Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman adalah elemen asas yang mempengaruhi keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi.





Kajian terkini oleh Puglisi et al. (2022) menunjukkan bahawa pengetahuan ibu bapa terhadap literasi awal merupakan prasyarat kepada penglibatan yang berkualiti. Penemuan mereka juga membuktikan bahawa ibu bapa yang memahami perkembangan literasi contohnya pengenalan huruf, fonemik dan kosa kata lebih cenderung menjalankan aktiviti literasi yang berupaya meningkatkan kemahiran membaca awal kanak-kanak.

Dapatan Cárdenas et al. (2025) pula menyatakan bahawa peningkatan pengetahuan ibu bapa melalui bengkel literasi dapat meningkatkan pencapaian huruf dan naratif kanak-kanak. Kesedaran yang tinggi memastikan ibu bapa mengambil tindakan yang konsisten dan sesuai dengan tahap perkembangan anak.

Dalam konteks TABIKA KEMAS, tahap kesedaran ini sangat penting kerana majoriti ibu bapa terdiri daripada latar sosioekonomi berbeza dan tidak semua mempunyai akses kepada maklumat berkaitan amalan literasi awal yang betul (KEMAS, 2023). Maka, kefahaman yang tinggi mendorong penyertaan aktif ibu bapa dalam aktiviti 3M seterusnya memberi impak positif terhadap perkembangan anak.

ii. Keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi di rumah

Keterlibatan merujuk kepada tahap, bentuk dan intensiti ibu bapa terlibat dalam menyokong aktiviti pembelajaran anak, sama ada di rumah ataupun di prasekolah. Epstein (1995) dalam modelnya menjelaskan bahawa penglibatan ibu bapa merangkumi enam dimensi iaitu keibubapaan, komunikasi, sukarelawan, pembelajaran





di rumah, pembuatan keputusan dan hubungan komuniti. Dimensi “*Learning at Home*” khususnya amat signifikan dalam pembentukan kemahiran literasi awal.

Amalan seperti membaca bersama, menyebut huruf, bercerita, menulis awal dan permainan literasi adalah antara contoh aktiviti yang melibatkan ibu bapa di rumah. Kajian Inoue et al. (2023) menunjukkan bahawa keterlibatan ibu bapa merupakan prediktor utama perkembangan bacaan kata. Dalam kajian berkaitan *home literacy environment* (HLE), Lervåg & Aukrust (2021) mendapati bahawa hubungan interaksi ibu-bapa-anak dalam literasi meningkatkan kemahiran fonologi dan perbendaharaan kata.

Sénéchal & LeFevre (2002) membezakan antara aktiviti literasi formal iaitu

mengajar huruf dan membaca perkataan serta aktiviti literasi tidak formal seperti bercerita, membaca buku bergambar. Kedua-duanya terbukti mempunyai kesan langsung terhadap kemahiran awal kanak-kanak. Kajian mereka menunjukkan bahawa semakin kerap ibu bapa terlibat dalam aktiviti literasi, semakin tinggi skor literasi kanak-kanak dalam penilaian awal sekolah. Dalam konteks Malaysia, penglibatan ini lebih kritikal dalam keluarga berpendapatan rendah kerana prasekolah menjadi sumber utama pembelajaran formal dan rumah menjadi ruang pelengkap perkembangan 3M.

Dalam kajian Ismail & Rahman (2025) dan Yusof et al. (2024), murid prasekolah yang mempunyai tahap keterlibatan ibu bapa yang tinggi didapati mencapai prestasi literasi awal lebih baik. Namun, keterlibatan tersebut turut dipengaruhi oleh masa, pengetahuan ibu bapa dan kemudahan bahan di rumah. Dalam konteks kerangka konseptual kajian ini, keterlibatan bertindak sebagai pemboleh ubah utama yang





menghubungkan kefahaman ibu bapa kepada proses pembelajaran dan perkembangan literasi awal anak-anak TABIKA KEMAS.

iii. Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa

Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa merangkumi gabungan elemen dalaman dan luaran yang menentukan sejauh mana ibu bapa terlibat secara aktif dalam membimbing pembelajaran literasi awal anak. Berasaskan Model Hoover-Dempsey & Sandler (1997), tiga kelompok faktor utama dikenal pasti sebagai penentu penglibatan iaitu (a) faktor motivasi dan kepercayaan; (b) faktor kecekapan diri; dan (c) faktor konteks. Walaupun model tersebut dibangunkan lebih awal, kajian empirikal terkini memperkukuh relevansi kategori ini dalam menjelaskan dinamika penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Penjelasaannya adalah seperti berikut:

a. Faktor motivasi dan kepercayaan (*beliefs / role construction*)

Faktor motivasi merujuk kepada kepercayaan ibu bapa tentang peranan mereka dalam pendidikan anak termasuk tanggapan bahawa mereka bertanggungjawab secara aktif dalam menyokong pembelajaran di rumah. Ibu bapa yang memiliki *role construction* positif lazimnya menempatkan diri mereka sebagai rakan kongsi utama dalam proses pembelajaran anak dan bukan sekadar pemerhati.

Kajian terkini menunjukkan hubungan konsisten antara kepercayaan ini dengan tahap penglibatan sebagaimana Lyu et al. (2022) mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai keyakinan terhadap peranan mereka dalam perkembangan literasi awal





menunjukkan kecenderungan lebih tinggi untuk melaksanakan aktiviti literasi seperti membaca bersama dan pengenalan huruf secara konsisten. Sementara Cárdenas et al. (2025) pula menyatakan bahawa peningkatan kesedaran melalui modul atau bengkel literasi mengubah kepercayaan ibu bapa mengenai peranan mereka sekali gus meningkatkan penyertaan aktif mereka dalam aktiviti literasi di rumah. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa motivasi dan kepercayaan ibu bapa membentuk asas kognitif yang mendorong tindakan mereka dalam melibatkan diri dalam perkembangan literasi awal.

b. Faktor kecekapan diri (*self-efficacy*)

Kecekapan diri merujuk kepada tahap keyakinan ibu bapa terhadap kemampuan mereka untuk membantu anak dalam aktiviti pembelajaran. Ibu bapa yang mempunyai tahap *self-efficacy* tinggi lebih berkemampuan untuk merancang, melaksanakan dan menilai aktiviti literasi secara berkesan. Kajian longitudinal oleh Inoue et al. (2023) mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai *self-efficacy* lebih tinggi mewujudkan persekitaran literasi yang lebih kaya seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan kemahiran bacaan kata yang lebih stabil dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Lyu et al. (2022) pula berpendapat bahawa *self-efficacy* merupakan indikator utama kepada kualiti dan kekerapan amalan literasi di rumah. Ibu bapa yang yakin akan kemahiran mereka lebih berkemungkinan melaksanakan aktiviti seperti pengajaran fonemik dan membaca berstruktur. Manakala kajian Cárdenas et al. (2025) turut menunjukkan bahawa intervensi peningkatan *self-efficacy* melalui bengkel literasi meningkatkan kemahiran *alphabet* dan naratif kanak-kanak secara signifikan. Secara



keseluruhan, *self-efficacy* berfungsi sebagai pemangkin tingkah laku yang menentukan bukan sahaja kekerapan, tetapi juga mutu penglibatan ibu bapa.

c. Faktor konteks (*contextual factors*)

Faktor konteks merangkumi elemen luaran yang mempengaruhi kemampuan ibu bapa untuk terlibat dalam pembelajaran anak termasuk masa, pekerjaan, pendapatan, tahap pendidikan, sokongan guru, lokasi tempat tinggal dan akses kepada bahan literasi. Faktor-faktor ini secara langsung menentukan sama ada ibu bapa mempunyai kapasiti sebenar untuk melaksanakan aktiviti literasi secara konsisten.

Kajian ulasan sistematik oleh Mohd Yusof et al. (2022) menegaskan bahawa kekangan masa akibat komitmen kerja, pendapatan rendah, kekurangan bahan bacaan di rumah serta latar pendidikan ibu bapa yang rendah merupakan halangan signifikan kepada penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ini juga sebagaimana Inoue et al. (2023) yang mendapati bahawa rumah yang kurang bahan literasi seperti buku kanak-kanak atau bahan bercetak mencatatkan perkembangan literasi awal yang jauh lebih perlahan.

Sungguhpun begitu, Goodall (2022) menjelaskan bahawa sokongan daripada guru dan institusi prasekolah merupakan elemen konteks penting yang dapat memperkukuh atau melemahkan penglibatan ibu bapa. Komunikasi yang lemah antara guru dan ibu bapa sering menyebabkan ibu bapa tidak mengetahui cara menyokong pembelajaran anak.



Dalam konteks TABIKA KEMAS khususnya, faktor konteks sering melibatkan latar sosioekonomi keluarga, kedudukan geografi luar bandar, kekangan masa bekerja dan kekurangan bahan literasi di mana kesemuanya menjadi penentu utama kepada kemampuan ibu bapa untuk melibatkan diri secara konsisten dalam aktiviti literasi awal.

Jelaslah bahawa penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran literasi awal dipengaruhi oleh tiga kategori faktor utama iaitu motivasi dan kepercayaan terhadap peranan, kecekapan diri dan faktor konteks. Kajian empirikal yang diperolehi secara konsisten menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa bukanlah sekadar keputusan individu bahkan hasil interaksi antara kepercayaan, keyakinan dan situasi persekitaran yang mendasari tingkah laku mereka. Pemahaman terhadap ketiga-tiga faktor ini penting agar strategi yang dirancang oleh prasekolah seperti TABIKA KEMAS dapat disesuaikan dengan realiti keluarga yang berbeza.

iv. Strategi penglibatan ibu bapa

Variabel strategi merujuk kepada pendekatan konkrit, kaedah pedagogi di rumah dan bentuk amalan literasi yang digunakan oleh ibu bapa untuk menyokong perkembangan literasi awal anak. Strategi ini tidak hanya mencerminkan seberapa kerap ibu bapa terlibat tetapi lebih penting, bagaimana penglibatan tersebut dilaksanakan dan sejauh mana strategi tersebut berkesan dalam menyumbang kepada perkembangan kemahiran membaca, menulis dan mengenal huruf serta fonemik. Dalam konteks pendidikan awal, strategi literasi di rumah menjadi penentu kepada kualiti *home literacy*





environment (HLE) yang terbukti memainkan peranan signifikan dalam perkembangan literasi awal.

Antara strategi umum yang sering digunakan termasuklah membaca bersama, pengajaran huruf dan fonemik secara berstruktur, penyediaan sudut bacaan di rumah, penggunaan bahan bercetak dan kad imbas, penyediaan rutin literasi harian dan komunikasi berkala dengan guru mengenai kemajuan kanak-kanak. Strategi-strategi ini menjadi asas kepada pembudayaan amalan literasi yang berkesan. Namun, untuk memastikan strategi-strategi ini benar-benar membawa keberhasilan, ia perlu disokong oleh bukti empirikal. Kajian terkini telah mengesahkan kesan positif beberapa strategi literasi berikut:

(a) Strategi membaca bersama dan variasinya

Membaca bersama secara dialogik telah dikenal pasti sebagai salah satu strategi paling berkesan dalam membangunkan kemahiran bahasa dan literasi awal. Berbeza daripada membaca pasif, *dialogic shared reading* melibatkan teknik bertanya menggalakkan anak membuat ramalan dan menghubungkan isi bacaan dengan pengalaman harian.

Zhang & Quinn (2021) mendapati bahawa *dialogic shared reading* meningkatkan kefahaman bacaan dan perkembangan kosa kata dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kerana strategi tersebut merangsang interaksi lisan berkualiti antara ibu bapa dan anak.





Dalam kajian intervensi di Australia, Dowdall et al. (2022) mendapati bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam sesi membaca bersama berbentuk dialog menunjukkan peningkatan ketara dalam kemahiran *oral language skills* dan *print awareness* berbanding kumpulan kawalan.

Li & Fung (2023) turut berkongsi dapatan kajian mereka bahawa ibu bapa yang mempraktikkan *interactive shared book reading* sekurang-kurangnya 10 minit sehari menunjukkan perkembangan fonologi dan literasi awal yang lebih kukuh dalam kalangan anak.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa strategi membaca bersama bukan sahaja meningkatkan keterlibatan emosi tetapi memperkukuh struktur linguistik dan fonologi anak.



(b) Strategi pengajaran fonologi dan fonemik

Penguasaan fonemik merupakan asas penting dalam pembentukan kemahiran membaca dan menulis. Ibu bapa yang mengajar fonemik secara tersusun dapat mempercepatkan proses pemetaan bunyi kepada huruf.

Pan et al. (2022) dalam kajian quasi-eksperimen menunjukkan bahawa aktiviti fonemik di rumah seperti mengenal bunyi huruf, segmentasi suku kata dan permainan *rhyming* meningkatkan *phonological awareness* kanak-kanak secara signifikan dalam tempoh lapan minggu. Sementara itu, penggunaan bahan fonemik digital yang dibimbing ibu bapa misalannya aplikasi membaca berupaya meningkatkan kemahiran *letter-sound correspondence* dan *early decoding* bagi kanak-kanak berumur 5-6 tahun





(Korat et al., 2023). Kajian Riordan & Setti (2024) mendapati bahawa amalan fonologi berstruktur di rumah menghasilkan peningkatan pantas dalam “*word recognition*” dan kesediaan membaca murid prasekolah.

Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa strategi fonemik menjadi salah satu strategi berasaskan bukti yang dapat meningkatkan literasi awal 3M dengan ketara.

(c) Strategi rutin literasi harian dan penyediaan persekitaran bacaan

Selain membaca bersama dan pengajaran fonemik, strategi menyediakan persekitaran literasi yang kaya turut memainkan peranan penting dalam menyokong keberhasilan literasi awal. Persekitaran literasi merangkumi ketersediaan buku, bahan bercetak dan rutin literasi harian yang tersusun. Ini adalah sebagaimana penemuan González et al. (2021) dalam kajiannya bahawa keluarga yang mengamalkan rutin literasi harian seperti membaca sebelum tidur atau aktiviti menulis ringkas mencatatkan perkembangan literasi awal yang lebih stabil dan konsisten.

Tan & Rao (2023) mengesyorkan bahawa penyediaan sudut bacaan di rumah yang dilengkapi buku bergambar, poster huruf dan bahan bercetak mampu meningkatkan minat membaca serta motivasi intrinsik kanak-kanak prasekolah untuk meneroka bahan cetak.

Kim & Lee (2024) pula mendapati bahawa interaksi berterusan antara ibu bapa dan anak melalui aktiviti berbual tentang buku, menyoal isi cerita atau mengenal huruf





secara santai adalah prediktor kuat terhadap perkembangan *print awareness* dan *early writing*.

Kajian-kajian ini menegaskan bahawa penyediaan suasana pembelajaran yang merangsang dan rutin literasi konsisten merupakan strategi berimpak tinggi terhadap pembentukan literasi awal.

(d) Komunikasi berkesan antara ibu bapa dan guru

Strategi penglibatan tidak hanya terhad kepada aktiviti di rumah. Komunikasi ibu bapa-guru memastikan kesinambungan pembelajaran yang selari dengan objektif kurikulum prasekolah. Ia sepertimana dapatan Hamilton & Lee (2022) bahawa komunikasi berkala antara ibu bapa dan guru meningkatkan penyelarasan strategi literasi antara rumah dan sekolah sekali gus memperkukuh hasil pembelajaran kanak-kanak.

Qiu et al. (2023) pula menunjukkan bahawa maklum balas guru secara berstruktur membantu ibu bapa memilih strategi literasi yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak dan mengurangkan strategi yang tidak tepat. Ini membuktikan bahawa strategi literasi yang berkesan mesti melibatkan hubungan dua hala antara rumah dan prasekolah.

Secara keseluruhannya, strategi penglibatan ibu bapa melibatkan pelaksanaan amalan literasi yang berstruktur, berkualiti dan konsisten. Aktiviti seperti *dialogic reading*, aktiviti fonemik, rutinisasi literasi harian, penyediaan sudut bacaan dan komunikasi





berkesan ibu bapa-guru merupakan strategi yang terbukti meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Variabel strategi ini menjadi komponen penting dalam kerangka konseptual kerana ia menerangkan kualiti tindakan yang dilakukan oleh ibu bapa dan bukan sekadar frekuensi penglibatan semata-mata.

v. Kerjasama ibu bapa-guru

Kerjasama dua hala memastikan kesinambungan pembelajaran dari prasekolah ke rumah. Goodall (2022) menegaskan bahawa komunikasi yang baik antara guru dan ibu bapa meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan memotivasikan ibu bapa terlibat lebih aktif. Dalam konteks TABIKA KEMAS, hubungan ini penting kerana guru boleh memberi panduan tentang kelemahan anak, strategi rumah, dan kemajuan tahap literasi. Kerjasama ibu bapa-guru merupakan faktor kritikal dalam memastikan kesinambungan pembelajaran antara rumah dan prasekolah. Ini sebagaimana Epstein (2001) yang menyatakan bahawa komunikasi dan kerjasama berkala dapat meningkatkan kefahaman ibu bapa tentang keperluan pembelajaran anak.

Kajian Goodall (2018) menunjukkan bahawa apabila ibu bapa dan guru berkomunikasi dengan jelas mengenai kemajuan dan kelemahan anak, ibu bapa lebih mudah merancang aktiviti literasi di rumah yang selaras dengan objektif pembelajaran di prasekolah.

Dalam konteks TABIKA KEMAS, hubungan positif antara ibu bapa dan guru dapat memperkukuh pendekatan literasi awal kerana guru dapat memberi panduan khusus tentang aktiviti yang sesuai dengan tahap perkembangan murid. Kerjasama ini juga





membantu mengurangkan salah persepsi bahawa pembelajaran adalah tanggungjawab guru semata-mata.

vi. Cabaran dalam penglibatan ibu bapa

Variabel cabaran merujuk kepada pelbagai bentuk halangan struktural, psikososial dan situasional yang menghalang ibu bapa daripada terlibat secara konsisten dalam aktiviti literasi awal anak. Cabaran ini bukan sahaja mengurangkan frekuensi penglibatan tetapi turut memberi kesan kepada kualiti amalan literasi di rumah.

Kajian-kajian terkini dalam bidang literasi keluarga menegaskan bahawa cabaran tersebut mempunyai implikasi langsung terhadap keberhasilan pembelajaran awal kanak-kanak khususnya dalam komuniti yang berpendapatan rendah atau tinggal di kawasan luar bandar.

(a) Kekangan masa dan komitmen kerja

Masalah kekangan masa merupakan cabaran paling lazim dalam kalangan ibu bapa terutama yang bekerja dalam sektor perkhidmatan, kilang atau pekerjaan yang mempunyai jadual tidak menentu. Kajian Harris & Robinson (2021) mendapati bahawa ibu bapa daripada keluarga berpendapatan rendah cenderung mempunyai waktu kerja yang panjang atau tidak fleksibel menyebabkan masa berkualiti untuk aktiviti literasi amat terhad.





Kajian Zhou et al. (2022) pula menunjukkan bahawa kekangan masa berkorelasi negatif dengan kekerapan membaca bersama anak terutama dalam keluarga pekerja syif dan ibu bapa tunggal. Dapatan ini menunjukkan bahawa kekangan masa bukan sekadar isu logistik, tetapi merupakan penghalang utama kepada pembentukan rutin literasi harian.

(b) Kekangan pengetahuan dan kemahiran literasi

Ramai ibu bapa ingin membantu anak tetapi kekurangan pengetahuan tentang kaedah pengajaran literasi yang sesuai menjadikan usaha mereka kurang efektif. Kajian Nguyen & Yang (2023) melaporkan bahawa ibu bapa yang tidak memahami kaedah pengajaran fonemik moden cenderung menggunakan kaedah tradisional yang kurang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah.



Sementara itu, kajian Lim & Cheah (2021) mendapati bahawa sebahagian besar ibu bapa berpendapat mereka tidak mempunyai kemahiran pedagogi untuk mengajar literasi awal sekali gus menjejaskan keyakinan mereka untuk membantu anak di rumah. Kekurangan pengetahuan ini seterusnya menyebabkan peluang interaksi literasi berkualiti menjadi terhad.

(c) Kekangan sumber dan kemudahan literasi

Sumber literasi seperti buku kanak-kanak, kad imbas, bahan bercetak dan ruang khusus bacaan amat mempengaruhi pengalaman literasi di rumah. Kajian Rahim & Darmawan (2022) mendapati bahawa kanak-kanak dalam rumah yang mempunyai





kurang daripada 10 buah buku menunjukkan perkembangan literasi jauh lebih perlahan berbanding kanak-kanak dari rumah yang kaya dengan bahan cetak.

Selain itu, Wong & Teo (2024) menunjukkan bahawa keluarga luar bandar menghadapi kekangan dalam mendapatkan bahan literasi berkualiti kerana akses yang terhad kepada perpustakaan, kedai buku, dan program komuniti. Kekurangan sumber sebegini menyempitkan peluang pembelajaran dan mengurangkan pendedahan kepada teks bermakna.

(d) Sikap, persepsi dan kepercayaan terhadap Pendidikan

Sikap dan kepercayaan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan. Menurut Hashim & Mahmud (2023) sesetengah ibu bapa dalam komuniti luar bandar beranggapan bahawa pengajaran literasi adalah tanggungjawab guru prasekolah dan bukan mereka. Sementara itu, menurut Omar & Liew (2022), ibu bapa yang mempunyai persepsi rendah terhadap kepentingan literasi awal kurang melaksanakan aktiviti membaca walaupun bahan bacaan disediakan. Persepsi ini menjadi penghalang psikologikal yang mengurangkan motivasi, walaupun sumber dan masa mencukupi.

Secara keseluruhan, cabaran-cabaran ini menjejaskan keberkesanan hubungan antara penglibatan ibu bapa dan perkembangan literasi awal. Dalam kerangka konseptual kajian ini, cabaran bertindak sebagai variabel penghalang (*inhibiting variable*) yang berpotensi melemahkan atau mengurangkan impak strategi penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian literasi awal kanak-kanak TABIKA KEMAS.





vii. Anak menguasai literasi awal 3M

Variabel ini merujuk kepada tahap pencapaian kanak-kanak dalam komponen asas literasi iaitu membaca, menulis dan mengira. Dalam konteks pendidikan awal, literasi awal 3M merupakan indikator penting kesediaan sekolah dan merupakan asas kepada kejayaan akademik pada peringkat seterusnya.

Berdasarkan kajian-kajian semasa, kemahiran literasi awal merangkumi beberapa komponen asas yang menyokong perkembangan membaca, menulis dan memahami simbol cetak. Antaranya termasuk:

- Kesedaran fonologi (*phonological awareness*) termasuk diskriminasi bunyi dan pemetaan fonem-huruf



Kajian Tse & Nicholson (2021) membuktikan bahawa kesedaran fonologi seperti mengenal bunyi awal membezakan rima dan memetakan fonem kepada huruf merupakan peramal paling kuat terhadap kemahiran membaca awal. Dapatan ini diperkuatkan oleh Melby-Lervåg, Lervåg & Hulme (2021) yang menunjukkan bahawa kemahiran diskriminasi bunyi secara signifikan meramalkan keupayaan *decoding* pada peringkat prasekolah.

- Pengetahuan huruf dan simbol (*letter knowledge*)

Pengetahuan tentang bentuk huruf, nama huruf dan bunyinya merupakan asas literasi. Kajian Yeong & Li (2022) menunjukkan bahawa penguasaan huruf





sebelum memasuki Tahun Satu meningkatkan ketepatan bacaan kata sehingga 40% dalam kajian rentas budaya mereka. Manakala Huang et. al. (2023) melaporkan bahawa kanak-kanak yang menguasai hubungan huruf-bunyi (*letter-sound correspondence*) lebih awal menunjukkan prestasi membaca lebih kukuh pada tahun berikutnya.

- Perkembangan kosa kata reseptif dan ekspresif (*vocabulary skills*)

Kosa kata reseptif dan ekspresif membentuk asas pemahaman bacaan. Kajian O'Connor & Justice (2021) mendapati bahawa perkembangan kosa kata prasekolah berkorelasi rapat dengan kefahaman bacaan awal dan kemampuan memahami teks naratif. Perkembangan kosa kata pada usia 4-6 tahun merupakan prediktor utama kemahiran bacaan di Tahun Satu dan Dua (Lin, Wei & Anderson, 2023).

- Kemahiran menulis awal (*early writing*) termasuk membentuk huruf dan meluahkan idea ringkas

Kajian Puranik et al. (2021) menunjukkan bahawa kemahiran menulis awal seperti membentuk huruf, menulis nama sendiri dan menulis perkataan mudah berkembang seiring dengan kemahiran membaca awal. Rowe & Cabrera (2022) turut melaporkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti menulis awal menunjukkan peningkatan signifikan dalam kesedaran fonemik dan keupayaan memecahkan bunyi perkataan.





- Kesedaran cetakan (*print awareness*)

Kesedaran tentang fungsi cetakan, arah bacaan, huruf, perkataan dan tanda baca merupakan asas pemahaman buku. Kajian Arfé, Dockrell & De Bernardi (2022) mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai tahap kesedaran cetakan lebih tinggi lebih cepat memahami struktur buku serta menunjukkan pencapaian lebih baik dalam bacaan permulaan. Sementara itu, Kader & Mokhtar (2023) menunjukkan bahawa aktiviti buku bergambar dan interaksi *print-referencing* secara konsisten meningkatkan *print awareness* kanak-kanak prasekolah.

Secara keseluruhannya, literasi awal merupakan konstruks multidimensi yang terdiri daripada kemahiran fonologi, pengetahuan huruf, kosa kata, menulis awal dan kesedaran cetakan. Setiap komponen ini saling melengkapi dan berfungsi sebagai asas kepada pembentukan literasi formal di sekolah rendah.

viii. Kecemerlangan anak

Kecemerlangan anak merangkumi pencapaian akademik, perkembangan sosial-emosi, sikap terhadap pembelajaran serta keyakinan diri. Dalam kerangka literasi awal, kecemerlangan tidak hanya bermaksud keupayaan membaca dan menulis, tetapi juga mencakupi perkembangan holistik kanak-kanak.

Dearing & Tang (2022) menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal meningkatkan perkembangan sosial dan emosi yang seterusnya menyumbang kepada motivasi belajar dan pencapaian akademik. Begitu juga Ma et. al. (2023)



mendapati kanak-kanak yang mempunyai persekitaran rumah yang menyokong pembelajaran bukan sahaja mencapai prestasi akademik yang lebih tinggi tetapi turut menunjukkan tingkah laku pro-sosial, tumpuan belajar lebih baik dan keyakinan diri lebih stabil.

Di Malaysia, murid prasekolah yang ibu bapanya aktif menyokong pembelajaran di rumah menunjukkan kecenderungan lebih tinggi untuk mencapai kecemerlangan akademik dan tingkah laku positif dalam kelas (Farid & Idris, 2024). Dalam kerangka konseptual kajian ini, kecemerlangan anak merupakan hasil akhir (*ultimate outcome*) yang mencerminkan keberkesanan keseluruhan sistem sokongan antara rumah dan prasekolah termasuk penglibatan ibu bapa, strategi literasi yang digunakan, kerjasama dengan guru serta pencapaian literasi awal 3M.

1.8 Definisi Operasional

Definisi terma dalam kajian ini bertujuan memastikan keseragaman konsep yang digunakan selaras dengan literatur kontemporari dalam bidang literasi awal, pendidikan prasekolah dan penglibatan keluarga. Definisi yang diberikan juga diperkukuh dengan rujukan empirikal terkini untuk mewajarkan penggunaan istilah dalam konteks kajian ini.



1.8.1 Literasi awal 3M

Dalam kajian ini, literasi awal 3M merujuk kepada kemahiran teras membaca, menulis dan mengira yang berkembang pada peringkat awal kanak-kanak melalui interaksi bahasa, pendedahan kepada cetakan dan aktiviti pembelajaran yang berstruktur. Literasi awal ditakrifkan oleh pelbagai kajian mutakhir sebagai konstruksi multidimensi yang merangkumi beberapa komponen asas iaitu:

i. Kesedaran fonologi dan fonemik

Kajian Tse & Nicholson (2021) menunjukkan bahawa kemahiran membezakan bunyi, mengenal fonem dan memetakan bunyi kepada simbol merupakan asas terpenting kepada pembacaan permulaan.



ii. Pengetahuan huruf dan symbol

Menurut Yeong & Li (2022), pengetahuan huruf contohnya nama huruf, bentuk huruf dan bunyinya merupakan peramal awal kepada keupayaan *decoding* dan bacaan lancar.

iii. Perkembangan kosa kata dan kefahaman lisan

O'Connor & Justice (2021) mendapati bahawa kosa kata reseptif dan ekspresif mempengaruhi kefahaman bacaan awal serta kebolehan anak mengikuti arahan dan memahami struktur bahasa.





iv. Kemahiran menulis awal

Puranik et al. (2021) menegaskan bahawa aktiviti menulis awal seperti menconteng bermakna, menulis nama dan membentuk huruf berkait rapat dengan perkembangan literasi formal.

v. Kesedaran cetakan (*print awareness*)

Kajian Arfé, Dockrell & De Bernardi (2022) menunjukkan bahawa kesedaran terhadap fungsi cetakan, arah bacaan dan struktur buku meningkatkan literasi bacaan awal secara signifikan.

Dalam konteks kajian ini, literasi awal 3M ditakrifkan sebagai penguasaan awal kanak-kanak terhadap kemahiran membaca, menulis dan mengira yang merangkumi elemen fonemik, pengetahuan huruf, perkembangan kosa kata, kesedaran cetakan, penulisan awal serta pemahaman asas nombor.

Takrifan ini selari dengan dapatan Tse & Nicholson (2021) yang menekankan kepentingan fonemik dan huruf sebagai asas membaca serta kajian Puranik et al. (2021) yang menghuraikan peranan penulisan awal dalam perkembangan literasi. Di samping itu, Arfé, Dockrell & De Bernardi (2022) menegaskan bahawa kesedaran cetakan dan interaksi dengan bahan bercetak merupakan komponen penting dalam literasi awal, manakala Lin, Wei & Anderson (2023) menegaskan bahawa perkembangan kosa kata pada usia prasekolah menjadi prediktor utama kepada pencapaian bacaan awal.





Bersandarkan gabungan dapatan ini, literasi awal 3M dalam kajian ini ditakrifkan secara operasional sebagai satu set kemahiran asas yang membentuk keupayaan literasi akademik permulaan.

1.8.2 Penglibatan ibu bapa

Penglibatan ibu bapa ditakrifkan dalam kajian ini sebagai penyertaan aktif ibu bapa dalam menyokong pembelajaran anak melalui aktiviti literasi di rumah, komunikasi bersama guru dan kerjasama dengan institusi prasekolah. Walaupun model klasik Epstein (1995) sering dijadikan rujukan, kajian terkini turut memperkukuh konsep ini melalui dimensi tambahan yang relevan seperti berikut:

a). Komitmen ibu bapa terhadap pembelajaran

Kim & Sheridan (2022) menegaskan bahawa penglibatan ibu bapa merangkumi tindakan konkrit seperti menyediakan bahan literasi, memantau pembelajaran dan terlibat dalam aktiviti membaca harian. Ini termasuklah (i) interaksi literasi di rumah; (ii) Komunikasi sekolah-rumah; dan (iii) *Self-efficacy* ibu bapa dalam mengajar literasi.

i). Interaksi literasi di rumah

Kajian Martins dan Costa (2023) mendapati bahawa kualiti interaksi ibu bapa-anak, termasuk berbual tentang buku, mengulang bunyi dan mengaitkan cerita dengan pengalaman, menjadi asas kepada perkembangan literasi awal.



ii). Komunikasi sekolah-rumah

Hamilton dan Lee (2022) menjelaskan bahawa komunikasi yang berkesan antara guru dan ibu bapa meningkatkan kejelasan objektif pembelajaran, sekaligus mempengaruhi keselarasan strategi literasi antara rumah dan prasekolah.

iii). *Self-efficacy* ibu bapa dalam mengajar literasi

Nguyen dan Yang (2023) menekankan bahawa keyakinan ibu bapa terhadap kemampuan mereka mempengaruhi kualiti aktiviti literasi yang dilaksanakan.

Dalam kajian ini, penglibatan ibu bapa merujuk kepada keterlibatan aktif dalam aktiviti literasi di rumah, pemantauan perkembangan anak serta hubungan komunikasi yang konsisten dengan guru TABIKA KEMAS.

1.8.3 TABIKA KEMAS

TABIKA KEMAS merupakan institusi prasekolah yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang dirancang khusus untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Secara struktural, TABIKA KEMAS menekankan pendidikan awal secara menyeluruh merangkumi literasi awal, numerasi, sahsiah, kemahiran sosial dan perkembangan motor halus (KEMAS, 2023). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip pendidikan awal bersepadu yang disarankan oleh Piaget (1973) dan Vygotsky (1978) menerusi teori perkembangan kognitif di mana pembelajaran kanak-kanak berlaku melalui interaksi aktif dengan persekitaran sosial dan fizikal mereka.



Menurut Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (2024), TABIKA KEMAS bukan sekadar pusat pendidikan tetapi juga merupakan platform pemeraksanaan komuniti luar bandar dengan menyediakan akses pendidikan yang inklusif serta menggalakkan penglibatan ibu bapa secara langsung dalam proses pembelajaran anak. Pendekatan ini sejajar dengan model penglibatan keluarga Epstein (2018) yang menekankan bahawa keterlibatan ibu bapa dalam aktiviti pendidikan awal secara signifikan mempengaruhi perkembangan literasi dan numerasi kanak-kanak.

Dalam konteks 3M (membaca, menulis, dan mengira), kajian Neumann & Merchant (2022) dan Al-Khatib (2023) menunjukkan bahawa interaksi ibu bapa seperti membaca bersama, membimbing penulisan awal dan aktiviti numerasi berstruktur dapat meningkatkan kemahiran asas kanak-kanak secara konsisten.



Justeru menerusi kajian ini, TABIKA KEMAS difokuskan sebagai lokasi penyelidikan kerana ia menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif yang memungkinkan pengamatan langsung terhadap hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian literasi awal 3M. Institusi ini membolehkan penyelidik menilai tidak hanya kemahiran akademik kanak-kanak tetapi juga dimensi sosial dan emosional yang berkait rapat dengan keberkesanan strategi penglibatan ibu bapa.

Tambahan pula, status TABIKA KEMAS sebagai prasekolah komuniti selain telah memenangi anugerah emas sebanyak enam kali pada tahun 2017, 2020, 2022, 2023, 2024 dan 2025 bagi “*The Most Trusted Brand in Pre-school learning*” oleh *The Reader's Digest* (KEMAS Official, 2025). Pemilihan TABIKA KEMAS memberi peluang untuk memahami bagaimana faktor sosioekonomi, budaya dan struktur



komuniti mempengaruhi literasi awal, sekaligus menyediakan data yang relevan dan kontekstual bagi kajian ini.

TABIKA KEMAS bukan sekadar institusi pendidikan awal, tetapi juga platform strategik bagi penyelidikan akademik untuk menilai dinamika penglibatan ibu bapa dalam pembangunan literasi awal kanak-kanak. Ia membolehkan kajian ini menyokong justifikasi teoretikal dan praktikal mengenai kepentingan penglibatan keluarga dalam pencapaian literasi awal 3M, sejajar dengan aspirasi pendidikan inklusif dan pembangunan komuniti luar bandar di Malaysia.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira dalam mentafsirkan dapatan. Pertama, dari segi ruang lingkup lokasi, kajian ini dijalankan hanya di TABIKA KEMAS Klebang Restu 1, Chemor, Perak. Had geografi ini menghadkan kemampuan untuk menggeneralisasi dapatan kajian kepada konteks yang lebih luas atau institusi prasekolah lain di Malaysia (Creswell & Creswell, 2018).

Kedua, kaedah pengumpulan data menggunakan soal selidik yang bergantung kepada maklum balas ibu bapa, yang mana berpotensi menimbulkan *bias* sosial dan *bias* persepsi. Ibu bapa mungkin memberikan jawapan yang dianggap “diharapkan” atau menekankan aspek positif penglibatan mereka tanpa mencerminkan realiti sebenar (Patton, 2015).



Ketiga, reka bentuk kajian yang digunakan ialah keratan rentas (cross-sectional) di mana hubungan sebab-akibat tidak dapat dipastikan. Walaupun hubungan korelasi dapat dikenalpasti, kajian ini tidak mampu menilai kesan jangka panjang penglibatan ibu bapa terhadap literasi awal 3M (Bryman, 2016).

Keempat, terdapat faktor luaran yang berpotensi mempengaruhi keputusan kajian seperti status sosioekonomi keluarga, persekitaran rumah dan kualiti pendidikan prasekolah. Faktor-faktor ini tidak dikawal sepenuhnya dalam kajian ini, namun kesannya diambil kira dalam perbincangan dapatan untuk memberikan interpretasi yang lebih menyeluruh (Maxwell, 2013).

1.10 Kepentingan Kajian



Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dari pelbagai sudut, iaitu akademik, amalan, polisi serta keluarga dan komuniti. Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur terkini mengenai penglibatan ibu bapa dalam konteks prasekolah Malaysia, khususnya di institusi komuniti seperti TABIKA KEMAS. Terdapat kekurangan kajian yang meneliti hubungan antara strategi penglibatan ibu bapa dengan pencapaian literasi awal 3M (membaca, menulis, dan mengira) dalam konteks pendidikan awal di Malaysia (Hoover-Dempsey & Sandler, 2005; Kim, 2022). Kajian ini juga menyediakan bukti empirikal yang dapat menjadi rujukan untuk kajian lanjutan dalam pembangunan model penglibatan ibu bapa yang efektif dan berfokus kepada literasi awal.





Dari perspektif amalan, dapatan kajian ini dapat membantu guru TABIKA KEMAS merancang intervensi pendidikan awal yang lebih berkesan dengan melibatkan ibu bapa secara aktif melalui strategi literasi yang berasaskan bukti. Penglibatan ibu bapa yang sistematik telah terbukti meningkatkan hasil literasi awal kanak-kanak serta memperkukuh kemahiran kognitif dan sosial mereka (Fan & Chen, 2001; Sénéchal & Young, 2008). Dengan ini, guru dapat membina program literasi yang menepati keperluan kanak-kanak serta menyokong pembelajaran di rumah dan di prasekolah.

Dari sudut polisi, kajian ini menyumbang kepada perancangan dasar pendidikan awal kanak-kanak, khususnya dalam memperkukuh program literasi KEMAS. Hasil kajian ini sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menangani isu "*learning poverty*" serta meningkatkan kesediaan sekolah kanak-kanak sebelum memasuki pendidikan rendah (World Bank, 2024; UNESCO, 2021). Kajian ini juga berpotensi memberi input kepada pembuat dasar dalam merangka strategi penglibatan ibu bapa yang lebih efektif dan inklusif.

Dari perspektif keluarga dan komuniti, kajian ini menyediakan panduan praktikal kepada ibu bapa untuk melaksanakan amalan literasi yang berkesan di rumah. Penekanan kepada budaya pembelajaran keluarga (*family learning culture*) dapat merangsang minat membaca, menulis dan mengira kanak-kanak sekaligus mengukuhkan hubungan positif antara ibu bapa dan anak dalam konteks pendidikan awal (Epstein, 2018; Sheridan & Kratochwill, 2007). Justeru, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu kanak-kanak tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhan melalui pemupukan budaya literasi yang berterusan.





1.11 Rumusan Bab

Bab ini memperincikan latar isu, objektif, persoalan, kerangka teori-konseptual, definisi terma, kepentingan kajian dan limitasi kajian dengan menekankan bukti empirikal daripada kajian-kajian terkini. Gabungan faktor penglibatan ibu bapa, strategi, cabaran dan kerjasama guru jelas membentuk penguasaan literasi awal 3M dan kecemerlangan anak-kanak TABIKA KEMAS.

